



BIL 1/2026
(JANUARI - JUN)

e-BULETIN

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya



LIPUTAN UTAMA

MAJLIS ANUGERAH BANDAR RENDAH KARBON 2025

BACA ARTIKEL DI MUKA 5 >

Disempurnakan oleh
YB Dato' Sri A. Joseph Kurup
Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam

12 Februari 2026, Khamis
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya

Implementing Agency



MPHTJ RAIH PENSIJILAN 2-STAR ENERGY MANAGEMENT GOLD STANDARD (EMGS)

BACA ARTIKEL DI MUKA 15 >



PROGRAM PENUTUP WRUR AYER MOLEK & PARLIMEN HANG TUAH JAYA

BACA ARTIKEL DI MUKA 18 >



PERUNTUKAN PROGRAM BANDAR SELAMAT 2.0 "RM500,000.00"

BACA ARTIKEL DI MUKA 21 >



27 WARGA MPHTJ TERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2025 DI MAPAN 2026

BACA ARTIKEL DI MUKA 23 >



mphtj.gov.my



mp_hangtuahjaya

Bandaraya Pintar

ISI KANDUNGAN

Flag Off Jelajah Kelab Porsche Malaysia & Singapura Ke Melaka	3	Program Penutup Wrur Ayer Molek & Parlimen Hang Tuah Jaya	18
Majlis Bacaan Yasin, Tahlil & Doa Selamat Sempena Sambutan Hari Perbandaran MPHTJ Ke-16	4	Program Ibadah Korban Peringkat MPHTJ Dan K-HATY Tahun 2026	19
Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2025	5	Program Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar Luar Bandar Murninets 2.0 Tahun 2026	20
Naib Johan Tenpin Boling Sempena Sukan Antara Jabatan Negeri Melaka 2026	6	Peruntukan Program Bandar Selamat 2.0 Berjumlah RM 500,000.00	21
Program Santai Orang Kurang Upaya (OKU) Melaka 2.0	7	Majlis Hi-Tea Bersama Perunding Dan Pemaju Berkenaan Tadbir Urus Proses Pembangunan	22
Program Ramadan Berkat MPHTJ - SPRM	8	29 Warga MPHTJ Terima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2025 Di MAPAN 2026	23
Program Sentuhan Kasih MPHTJ	9		
Majlis Iftar Bersama Anak Yatim & Asnaf Anjuran Kelab Sukan & Kebajikan MPHTJ	10		
Majlis Khatam Al-Quran MPHTJ 2026	11		
Majlis Mahabbah Aidilfitri MPHTJ 2026	12		
Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Melaka Sayang Rakyat 2026	13		
Kunjungan YB Datuk Hajah Aiman Athirah Binti Sabu	14		
MPHTJ Raih Pensijilan 2-Star Energy Management Gold Standard (EMGS)	15		
Kunjung Hormat Delegasi Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)	16		
Program Hari Aduan Rakyat Sempena Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat Dun Ayer Molek	17		

JAWATANKUASA EDITORIAL

Penasihat

Datuk Sapiah Binti Haron
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya

Ketua Editor

TPr. Rafidah Binti Hj Jaapar
Pengarah,
Jabatan Korporat Pembangunan Masyarakat

Editor

Shahrizanerni Binti Haji Norramlai
Nur Balqis Binti Abdul Malek

Reka Bentuk Grafik

Syafiekah Binti Abu Tahir

Jurufoto

Muhammad Haikal Bin Hamzah
Mahat Bin Abdul Ghani

Flag Off

JELAJAH KELAB PORSCHE MALAYSIA & SINGAPURA KE MELAKA

17 Januari 2026



Sekitar "Flag Off" Jelajah Kelab Porsche Malaysia & Singapura ke Melaka yang bermula di Dataran Sejarah Ayer Keroh dan berakhir di Dataran Muzium Kesultanan Melayu Melaka.

Majlis

BACAAN YASIN, TAHLIL & DOA SELAMAT SEMPENA SAMBUTAN HARI PERBANDARAN MPHTJ KE-16

23 Januari 2026



Menzahirkan rasa kesyukuran atas pencapaian dan perjalanan 16 tahun Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya



Majlis

ANUGERAH BANDAR RENDAH KARBON 2025

12 Februari 2026



Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) menerima Anugerah Khas PBT Paling Lama Terlibat Program LCCF di Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2025 di Hilton Hotel Kuala Lumpur. Kejayaan ini sebagai bukti pengiktirafan peranan dan sumbangan MPHTJ selama 14 tahun penglibatan yang bermula dari Tahun 2012 sehingga kini. MPHTJ menjadi PBT 'pioneer' di dalam program LCCF dan memainkan peranan cukup penting di dalam mencorak pelaksanaan Agenda Perbandaran Rendah Karbon di peringkat tempatan (local level).

Usaha berterusan ini mencerminkan dedikasi warga kerja dan sokongan komuniti dalam menjadikan bandar dalam kawasan MPHTJ lebih hijau, lestari dan mesra alam. Terima kasih kepada semua pihak yang bersama menjayakan inisiatif ini.



Naib Johan

TENPIN BOLING SEMPENA SUKAN ANTARA JABATAN NEGERI MELAKA 2026

13 Februari 2026



Tahniah buat pasukan regu MPHTJ atas kejayaan merangkul Naib Johan Tenpin Boling sempena Sukan Antara Jabatan Negeri Melaka 2026!

Semangat juang yang tinggi, fokus tanpa henti dan kerjasama sepadanan yang padu menjadi kunci kejayaan hari ini. Setiap lontaran bukan sekadar permainan, tetapi bukti disiplin, latihan dan komitmen yang luar biasa.

Teruskan momentum kecemerlangan ini — kalah menang adat pertandingan, namun semangat dan kesungguhan itulah yang melahirkan juara sebenar. MPHTJ terus melangkah gagah!

Program

SANTAI ORANG KURANG UPAYA (OKU) MELAKA 2.0

14 Februari 2026



Alhamdulillah, Program Santai Orang Kurang Upaya (OKU) Melaka 2.0 telah berlangsung dengan jayanya serta diserikan dengan Majlis Pelancaran Persatuan OKU di Pentas Melaka Mall, hari ini.

Program ini menjadi platform memperkukuh jaringan kerjasama, menyantuni komuniti OKU serta memperkasa peranan mereka dalam pembangunan negeri.

Pelancaran persatuan ini diharap dapat menjadi wadah penyatuan suara, memperjuangkan kebajikan serta meningkatkan peluang dan aksesibiliti kepada golongan OKU di Melaka.

Semoga usaha murni ini terus memberi manfaat dan membuka lebih banyak ruang inklusif kepada semua.

Hadir sama YB Datuk Hj Kalsom Bt Noordin, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti; Clr. Wan Mohammed Fairuz bin Wan Abdullah, Ketua Ahli Majlis MPHTJ; YBrs. Tuan Mohd Faizal bin Mohd Zin, Setiausaha MPHTJ. Hadir sama Clr. M. S. Richard A/L Maria Souce; Ahli-ahli Majlis MPHTJ; Jawatankuasa Persatuan OKU dan seramai 100 penerima.

Program

RAMADAN BERKAT MPHTJ - SPRM

3 Mac 2026



Sempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Melaka telah mengadakan Program Ramadan Berkat MPHTJ-SPRM kepada pengguna jalan raya sekitar kawasan pentadbiran MPHTJ.

Program ini merupakan tanda keprihatinan dan usaha menyantuni masyarakat yang sedang dalam perjalanan agar dapat berbuka puasa tepat pada waktunya.

Semoga inisiatif kecil ini dapat mengeratkan silaturahim serta menyemarakkan semangat Ramadan dalam kalangan warga komuniti.

Program

SENTUHAN KASIH MPHTJ

7 Mac 2026



“Raya Penuh Kegembiraan”. Itulah yang dapat digambarkan oleh seluruh warga MPHTJ dalam Program Sentuhan Kasih MPHTJ yang mana meraikan seramai 140 anak yatim, warga emas dan orang kurang berkemampuan serta 30 pengamal media Negeri Melaka.

YBhg. Datuk Sapiah Binti Haron, YDP MPHTJ menyempurnakan program ini yang saban tahun diadakan sebagai tanda kepeihatinan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya

Turut Hadir, YBrs. Mohd Faizal Bin Mohd, Setiausaha MPHTJ, Ahli Majlis Kawasan Ayer Keroh, Clr. Shaizan Bin Md Som, Ahli- Ahli Majlis Turut Hadir, Ketua Jabatan / Unit Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya

Majlis Iftar

**BERSAMA ANAK YATIM & ASNAF
ANJURAN KELAB SUKAN & KEBAJIKAN MPHTJ**

12 Mac 2026



Majlis Iftar Bersama Anak Yatim & Asnaf anjuran Kelab Sukan & Kebajikan MPHTJ disempurnakan oleh YBhg. Datuk Sapiah Binti Haron, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

Seramai 39 anak yatim serta anak kepada staff MPHTJ diraikan hari ini. Terima Kasih juga yang tidak terhitung kepada para penyumbang untuk majlis kali ini

Turut Hadir, YBrs. Tuan Mohd Faizal bin Mohd Zin, Setiausaha MPHTJ, Clr. Wan Mohammed Fairuz bin Wan Abdullah, Ketua Ahli Majlis MPHTJ

Majlis

KHATAM AL-QURAN MPHTJ 2026

13 Mac 2026

Majlis Khatam Al-Quran MPHTJ 2026 yang dianjurkan oleh Kelab Sukan & Kebajikan @khatymphtj hari ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Mohd Faizal bin Mohd Zin, Setiausaha MPHTJ.

Semoga amalan ini menjadi inspirasi untuk kita terus mendekatkan diri kepada Allah dan menjadikan Al-Quran sebagai panduan dalam kehidupan.



Majlis

MAHABBAH AIDILFITRI MPHTJ 2026

9 April 2026



Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) telah menganjurkan Majlis Mahabbah Aidilfitri MPHTJ 2026 dalam suasana penuh kemeriahan dan ukhuwah, hari ini.

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran YB Datuk Rais Yasin, Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana serta YB Datuk Zulkiflee Bin Datuk Seri Hj. Mohd Zin, Timbalan Exco Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana.

Kedua-dua pemimpin itu telah disambut oleh YBhg. Datuk Sapiah binti Haron, Yang Dipertua MPHTJ, Ahli-ahli Majlis MPHTJ, Tuan Mohd Faizal bin Mohd Zin, Setiausaha MPHTJ, ketua-ketua jabatan/unit dan warga kerja MPHTJ.

Penganjuran majlis ini bukan sahaja mengeratkan silaturahim, malah menjadi landasan memperkukuh hubungan antara kepimpinan dan warga kerja dalam suasana Aidilfitri yang penuh keberkatan.



Majlis

RUMAH TERBUKA AIDILFITRI MELAKA SAYANG RAKYAT 2026

12 April 2026

Sekitar Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Melaka Sayang Rakyat 2026 yang turut dibantu oleh Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya yang berlangsung di Villa D'Aqua Homestay Masjid Tanah

Terima Kasih YAB Ketua Menteri Melaka Ab Rauf Yusoh



Kunjungan

YB DATUK HAJAH AIMAN ATHIRAH BINTI SABU

23 April 2026

Seluruh warga kerja Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) telah menerima kunjungan daripada YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu @aimanathirah , Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (@kpkt), hari ini.

Kehadiran beliau disambut oleh YBhg. Datuk Sapiah binti Haron, Yang Dipertua MPHTJ diiringi Ahli-ahli Majlis dan pegawai-pegawai kanan Majlis.

Turut hadir sama YB Tuan @kerkcheeyee , Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Keroh.

Terdahulu, Timbalan Menteri berpeluang mendengar akan perancangan MPHTJ bagi memastikan kesejahteraan komuniti, pembangunan mampan dan perkhidmatan lebih efisien dalam penyaluran keperluan rakyat di peringkat akar umbi.





RAIH PENSIJILAN 2-STAR ENERGY MANAGEMENT GOLD STANDARD (EMGS)

27 April 2026



Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya Raih Pensijilan 2-Star Energy Management Gold Standard (EMGS)

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) berjaya memperolehi Pensijilan 2-Star Energy Management Gold Standard (EMGS) di bawah ASEAN Energy Management Scheme (AEMAS), hari ini.

Pengiktirafan itu telah disampaikan oleh YB Syed Ibrahim Syed Noh, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ketika Majlis Penganugerahan Sijil Energy Management Gold Standard (EMGS) di EQ Hotel Kuala Lumpur.

Untuk rekod, MPHTJ sebelum ini telah berjaya di dalam memperolehi Pensijilan 1-Star EMGS pada tahun 2024. Kejayaan ini merupakan kesinambungan daripada gerak kerja yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pengurusan

Tenaga MPHTJ di bawah rangkakerja Perbandaran Rendah Karbon Hang Tuah Jaya 2030.

Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya antara salah satu daripada keseluruhan 133 penerima Sijil EMGS pada kali ini.

Pencapaian ini turut mendapat sokongan menerusi amalan penggunaan lestari oleh organisasi, di samping kejayaan pengurangan penggunaan tenaga sebanyak 10.20% berbanding baseline tahun 2019, yang turut menyumbang kepada penjimatan kos sebanyak RM986,858.

Pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan MPHTJ terhadap kecekapan tenaga, kelestarian, dan kecemerlangan operasi dalam usaha mewujudkan persekitaran yang lebih hijau, mampan dan rendah karbon.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada seluruh pasukan atas dedikasi, kerjasama, dan usaha berterusan yang telah menjayakan pencapaian ini.

MPHTJ terus komited di dalam agenda tenaga lestari dan Perbandaran Rendah Karbon dan mensasarkan pencapaian 3-Star EMGS pada tahun 2028 seterusnya status Bandar Rendah Karbon pada tahun 2030.



Kunjung Hormat

DELEGASI AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN (AADK)

4 Mei 2026



Telah berlangsung satu Sesi Libat Urus dan kunjungan hormat oleh delegasi daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) yang diketuai oleh Ketua AADK Melaka Tengah, Encik Norizan Bin Mohd, bersama-sama Puan Fadila Binti Mohd Yusof dan Puan Fasihah Binti Yusof pada petang tadi.

Kunjungan ini bertujuan untuk membincangkan kerjasama dalam pelaksanaan program Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) di MPHTJ, di samping meneroka peluang kolaborasi lain bagi memastikan persekitaran kerja yang selamat, sihat serta bebas daripada penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang.

Semoga usaha ini menjadi langkah proaktif dalam membentuk budaya kerja yang lebih berkualiti, berintegriti dan sihat demi kesejahteraan warga kerja serta masyarakat keseluruhannya.



Program

HARI ADUAN RAKYAT SEMPENA PROGRAM WAKIL RAKYAT UNTUK RAKYAT DUN AYER MOLEK

5 Mei 2026



Program

PENUTUP WRUR AYER MOLEK & PARLIMEN HANG TUAH JAYA

10 Mei 2026



Pelepasan konvoi Penutupan Program Wakil Rakyat untuk Rakyat (WRUR) Dun Ayer Molek diserikan lagi dengan kehadiran Ketua Menteri kesayangan Rakyat Melaka, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh, serta YB Dun Ayer Molek, YB Datuk Rahmad Bin Mariman, di atas pelantikan sebagai Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama Negeri Melaka.

Konvoi berkonsepkan Melaka Sayang Rakyat Ini sempat menyantuni warga Ayer Molek dan bersarapan bersama sebelum perasmian di Japerun Ayer Molek

Turut Hadir, YB Datuk @fairulnizamroslan, EXCO Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital yang juga merupakan penyelaras Program WRUR, YDP MPHTJ, YBhg. Datuk Sapiah Binti Haron, Ketua-Ketua Jabatan serta warga kerja Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya



Program

IBADAH KORBAN PERINGKAT MPHTJ DAN K-HATY TAHUN 2026

29 Mei 2026



Program Ibadah Korban Peringkat MPHTJ dan K-HATY Tahun 2026 telah dilaksanakan dengan jayanya dalam suasana penuh harmoni, semangat kerjasama dan ukhuwah di perkarangan parkir ketua jabatan/unit, hari ini.

Program ini bukan sahaja menzahirkan penghayatan terhadap ibadah korban sebagai tuntutan syiar Islam, malah menjadi medium dalam memperkukuhkan hubungan silaturrahim, semangat kebersamaan serta nilai prihatin dalam kalangan warga kerja dan masyarakat setempat.

Terdahulu YBhg. Datuk Sapiah binti Haron, Yang Dipertua MPHTJ mengucapkan terima kasih kepada Ahli Majlis dan kakitangan yang telah memberikan komitmen, kerjasama dalam menjayakan program ini.

Beliau melihat program pertama kali ini menjurus kepada pelaksanaan amal ibadah, pengorbanan dan sumbangan yang dilaksanakan mendapat keberkatan serta diterima Allah SWT.



Program

JARINGAN PENUNJUK PEMBANGUNAN MAMPAN BANDAR LUAR BANDAR MURNINETS 2.0 TAHUN 2026

3 Jun 2026



YBhg Datuk Sapiah binti Haron, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh warga Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dengan jalinan kolaborasi setiap agensi dan pihak berkepentingan yang telah memberikan komitmen, kerjasama padu sehingga membolehkan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya telah berjaya memperolehi Penarafan Bandar Mampam Tahun 2025 dengan pencapaian markah keseluruhan yang amat membanggakan iaitu 98.42%.

Jelas beliau, pencapaian ini merupakan satu pengiktirafan yang membuktikan keupayaan, kesungguhan semua pihak dalam memastikan

pembangunan bandar dilaksanakan secara mampam, inklusif dan berdaya tahan.

Sasaran tahun ini adalah untuk mengekalkan momentum kecemerlangan tersebut dan seterusnya mencapai markah melebihi 98% dalam penilaian MURNInets Tahun 2026.

Terdahulu Majlis Sesi Libat Urus Program Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampam Bandar Luar Bandar MURNInets 2.0 Tahun 2026 telah berlangsung di Hotel Hatten dengan dihadiri pembekal data terdiri daripada sektor kerajaan, badan berkanun, swasta termasuk Ahli Majlis MPHTJ, Jabatan dan Unit peringkat MPHTJ bagi menjayakan program MURNInets.



Peruntukan

PROGRAM BANDAR SELAMAT 2.0 BERJUMLAH RM500,000.00

4 Jun 2026



Ketua Pengarah PLANMalaysia, TPr. Dr. Alias bin Rameli telah menyampaikan mock cheque peruntukan Program Bandar Selamat 2.0 berjumlah RM500,000.00 kepada YBhg. Datuk Sapiah binti Haron, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ), dengan disaksikan oleh YBhg. Datuk Wira Salhah binti Salleh, Penasihat Kewangan Negeri Melaka di Bilik Mesyuarat Hang Tuah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Seri Negeri petang tadi.

Peruntukan yang diterima oleh MPHTJ ini akan dimanfaatkan bagi melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah Program Bandar Selamat 2.0 yang memberi tumpuan kepada usaha pencegahan jenayah serta peningkatan tahap keselamatan awam.

Antara projek yang dirancang termasuk pemasangan sistem kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi strategik serta penyediaan laluan pejalan kaki yang lebih selamat, selesa dan mesra pengguna di kawasan pentadbiran MPHTJ.

Pelaksanaan program ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam memperkukuh aspek keselamatan dan kesejahteraan komuniti, sekali gus meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

Inisiatif ini juga selaras dengan aspirasi untuk mewujudkan persekitaran bandar yang lebih selamat, inklusif, berdaya huni dan mampan untuk semua.



Majlis

HI-TEA BERSAMA PERUNDING DAN PEMAJU BERKENAAN TADBIR URUS PROSES PEMBANGUNAN

16 Jun 2026



Satu Program yang bertujuan bagi perbualan secara terus tentang permasalahan dan cadangan oleh perunding ataupun pemaju bersama MPHTJ

Diketuai oleh YDP MPHTJ, YBhg. Datuk Sapiah binti Haron serta Jabatan Kawalan Bangunan MPHTJ. Turut Hadir, Setiausaha MPHTJ, YBrs. Tuan Mohd Faizal bin Mohd Zin, Timbalan Ketua Ahli Majlis MPHTJ, Clr. Esrul Efendi bin Dahlan serta Datuk Ngoh Chun How, Pengerusi REHDA Melaka



27 Warga

MPHTJ TERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2025 DI MAPAN 2026

30 Jun 2026



Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada 27 warga Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) yang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2025 dalam Majlis Apresiasi Perkhidmatan Awam Negeri (MAPAN) 2026 Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka yang telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka.

Turut hadir meraikan kejayaan para penerima ialah YBhg. Datuk Sapiah binti Haron, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ).

Penganugerahan ini merupakan satu bentuk pengiktirafan terhadap dedikasi, komitmen, profesionalisme dan integriti yang telah dipamerkan oleh para penerima dalam melaksanakan amanah serta menyampaikan

perkhidmatan awam yang berkualiti kepada masyarakat.

Semoga pengiktirafan ini menjadi pemangkin kepada seluruh warga MPHTJ untuk terus memperkukuh budaya kerja berprestasi tinggi, meningkatkan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan serta membudayakan nilai integriti, akauntabiliti dan tadbir urus yang baik demi kemajuan organisasi.

Sekali lagi, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua 27 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2025. Semoga kejayaan ini terus menjadi inspirasi dalam memperkasakan perkhidmatan awam yang cemerlang, berintegriti dan berorientasikan rakyat.

